

23/09/1997

Kebakaran: Bomba, Smart bantu Indonesia (HL)

Kamal Ahmad; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia akan menghantar pasukan terdiri anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pasukan Mencari dan Penyelamat Malaysia (Smart) ke Indonesia untuk memadam kebakaran hutan di republik itu.

Selain itu, pelbagai peralatan seperti mesin pengepam air dan jentera penggali telaga turut dihantar ke sana berikutan sesetengah kawasan di Kalimantan sudah kekeringan termasuk sungai untuk digunakan bagi memadam kebakaran.

Langkah itu diputuskan pada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Alam yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengarah Gerakan Negara berkata, langkah itu adalah tambahan kepada bantuan yang diberikan kepada Indonesia untuk mengadakan pembenihan awan, menerusi penggunaan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN), Datuk Mohamed Rahmat, kira-kira 2,000 anggota akan terbabit dalam operasi memadam kebakaran itu, termasuk anggota TUDM, yang akan bertolak ke Kalimantan secepat mungkin.

Mesyuarat selama satu setengah jam itu meneliti secara keseluruhan masalah jerebu yang melanda negara sehingga darurat jerebu terpaksa diisytiharkan di Sarawak.

Darurat jerebu itu masih berkuatkuasa kerana paras pencemaran udaranya masih tinggi. Indeks Pencemaran Udara (API) di Sarawak yang berada pada tahap berbahaya bertambah buruk pada jam 9 pagi ini apabila ia meningkat kepada 690 berbanding 473 pada jam 1 pagi ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga bersetuju membenarkan Indonesia menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching sebagai pangkalan operasi pembenihan awan di Kalimantan.

Operasi bersama Indonesia bagi melakukan proses pembenihan awan itu akan menggunakan dua pesawat C-130 TUDM dan dua lagi pesawat pengangkutan yang sama milik republik itu.

"Kita juga membuat permohonan kepada Jepun dan Perancis supaya membantu kita. Perancis menghantar beberapa pegawainya untuk menyelidik dan mereka sudah pun pulang semalam untuk melapor ke Perancis supaya mereka menyusun jenis bantuan yang boleh diberi.

"Jepun menawarkan pemancut air jet untuk padamkan api. Kita percaya masalah ini tidak mudah diatasi, namun kita akan cuba sedaya upaya yang boleh," katanya selepas mesyuarat itu.

Selain Mohamed, turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; dan Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Negara, Datuk Jaafar Ismail.

Dr Mahathir turut mengulangi pendirian kerajaan akan mengenakan tindakan tegas terhadap 17 syarikat perladangan dan pembalakan Malaysia di Indonesia yang enggan memadamkan kebakaran di konsesi masing-masing.

Setakat ini, hanya syarikat milik Tabung Haji; PT Multi Gambut, yang memadamkan api di konsesi mereka manakala 17 lagi tidak memberi maklum balas walaupun Perdana Menteri mengarahkan mereka berbuat demikian, Isnin lalu.

PT Multi Gambut dikuasai 70 peratus oleh Boggaya Sdn Bhd; sebuah

syarikat yang ditubuhkan oleh Tabung Haji untuk tujuan usaha sama perladangan di Sumatera.

"Kita sudah beritahu bahawa mereka perlu menyumbang benda atau wang untuk tujuan itu. Ini adalah tanggungjawab mereka. Tidak ada sebab mereka lepas tanggungjawab sebab ini berlaku di Indonesia.

"Mereka bertanggungjawab dan kita akan pastikan jika mereka tidak melakukan sesuatu, apa juga bentuk tindakan yang boleh diambil, kita akan ambil terhadap mereka," kata Perdana Menteri.

Berdasarkan senarai Kementerian Alam Sekitar Indonesia, selain PT Multi Gambut, 17 syarikat usaha sama dengan firma Malaysia ialah PT Pinang Wai Mas; PT Padang Bolat; PT Tri Mitra Perkasa; PT Stelindo Perkasa; PT Rabin Mas; PT Gunung Maras Lestari; PT Laidong West Indonesia, PT Sadin Tradewin Indonesia; PT Bumi Permai Surya; dan PT Tradisi yang beroperasi di Sumatera selatan.

Di Riau ialah PT Pulau Rupati; PT Setdco Rupati Tani; PT Agrita Sari; PT Multi Gambut Industri; PT Bina Fitri Jaya; PT Adei Plantation; dan PT Langgam Inti Hibrido. Di Sumatera barat ialah PT Tidar Kerinci Agung.

Kebanyakan kebakaran hutan berlaku di Sumatra Selatan, Sumatra Utara, Riau, Jambi, Kalimantan Selatan, Kalimantan Tengah, Kalimantan Timur dan Kalimantan Barat.

Senarai itu dikeluarkan berdasarkan gambar satelit yang menunjukkan kawasan kebakaran di wilayah terbabit.

Pada masa yang sama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar negara ini sedang membuat perbandingan nama syarikat Malaysia yang melabur di Indonesia dengan 18 syarikat terbabit.

Semua 17 syarikat yang belum melapor kepada kerajaan diberi tempoh sehingga tengah hari ini untuk berbuat demikian.

Mereka boleh berbuat demikian dengan menghubungi nombor hotline Bahagian Keselamatan Negara di 03-293 6862 dan 03-2389929.

Dr Mahathir berkata, tindakan lain menangani jerebu ialah meminda peraturan sedia ada dengan mengenakan hukuman lebih berat.

"Hukuman mesti berupaya menangani jenayah. Kadang-kadang denda yang dikenakan sesuai pada masa 20 atau 30 tahun lalu.

"Ketika itu, kos sara hidup dan pendapatan rakyat sangat rendah.

"Tetapi sekarang ini bagi dia (denda) RM10,000 atau RM20,000 dia bagi (bayar) macam tu saja, tidak ada apa-apa (masalah)," katanya.

(END)